

20 APR 2003

Syed Hamid-Iraq

CADANGAN BATAL SEKATAN EKONOMI IRAQ PERLU KAJIAN MENDALAM

KLUANG, 20 April (Bernama) -- Sebarang cadangan untuk membatalkan sekatan ekonomi terhadap Iraq perlu dikaji dengan teliti bagi mengelakkan kekayaan negara Teluk itu dipergunakan dengan sewenang-wenangnya oleh pihak yang bertanggungjawab memansuhkan sekatan itu.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini berkata, buat masa ini adalah lebih baik jika Program Minyak Untuk Makanan yang diusahakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) itu diteruskan bagi membeli barangan keperluan seperti ubat-ubatan, makanan dan peralatan hospital.

"Cadangan untuk menarik balik sekatan itu nampak baik tetapi mungkin ada muslihatnya, sebab itu kita perlu mengkajinya terlebih dahulu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kluang di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata demikian apabila ditanya tentang kemungkinan cadangan pembatalan sekatan ekonomi itu bertujuan menguasai penjualan minyak negara Arab itu yang mempunyai rizab minyak kedua terbesar di dunia itu.

Presiden Amerika Syarikat George W. Bush baru-baru ini mengumumkan bahawa negara itu akan mencadangkan kepada Majlis Keselamatan PBB supaya sekatan ekonomi sejak 1992 itu dilupuskan bagi membolehkan minyak Iraq dijual untuk membiayai pembangunan semula negara itu.

Menteri Luar itu juga berkata, adalah penting bagi PBB untuk memainkan peranannya ketika ini mengenai isu Iraq kerana ia akan membantu badan dunia itu memperbaiki imejnya yang terjejas teruk sebelum ini.

Mengenai keputusan Washington untuk menghantar pasukannya sendiri ke Iraq untuk mencari senjata pemusnah, beliau berkata, tindakan itu adalah bertentangan dengan prinsip PBB itu sendiri.

"Ia adalah bertentangan dengan usul PBB kerana tugas itu telah diberikan oleh PBB kepada UNMOVIC. Hanya pihak pemeriksa PBB sahaja yang boleh memberikan verifikasi terhadap pihak-pihak yang terlibat," katanya.

UNMOVIC yang diketuai oleh Dr Hans Blix dan Ketua Pengarah Agensi Kuasa Atom Antarabangsa (IAEA) Dr Mohamad Elbaradei telah menjalankan kajiannya terhadap Iraq dan sehingga ini tidak menemui sebarang senjata pemusnah sebagaimana yang didakwa oleh Washington.

"Satu pihak yang terlibat dalam konflik atau mempunyai kepentingan, tidak boleh menjadi pemeriksa. Jika ini berlaku, ia bermakna mereka akan menjadi penyiasat, pendakwa dan hakim. Ini daripada segi prinsip adalah tidak betul dan tidak tepat," katanya.

Syed Hamid juga ditanya mengenai peranan yang perlu dimainkan oleh Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) dan berkata, Qatar sebagai pengerusinya perlu memanggil satu mesyuarat tergepar untuk membincangkan peranan negara-negara Islam untuk membangunkan Iraq.

Amerika Syarikat juga kata beliau, perlu mengambil pandangan negara-negara Islam bagi mengelak sebarang ketidakstabilan yang mungkin tercetus akibat daripada serangannya terhadap Iraq itu.

Sementara itu, Syed Hamid yang ditanya mengenai kenyataan Pemangku Presiden Pas Datuk Abdul Hadi Awang yang memuji tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak meminjam daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) ketika krisis ekonomi 1997 berkata, ia menunjukkan dasar-dasar yang diperjuangkan oleh kerajaan diakui sendiri berkesan oleh parti pembangkang itu.

Jika PAS mengakui kerajaan adalah betul adalah lebih baik jika parti

pembangkok itu dibubarkan dan anggotanya menyertai Umno bagi mengelakkan persengketaan sekian lama antara kedua-dua parti itu, katanya.

-- BERNAMA

MHI KHY PR